



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 7/ 2024 (Bulan Julai 2024)

| Bil | Tajuk | Tarikh |
|----------------------|----------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------|
| 1. | Khutbah Khas Awal Muharram: Hijrah Teras Lonjakkan Dakwah | 5 Julai 2024M/ 28 Zulhijjah 1445H |
| 2. | Masa, Jangan Dipersia | 12 Julai 2024M/ 6 Muharram 1446H |
| 3. | Menangkis Dengki Membenam Dendam | 19 Julai 2024M/ 13 Muharram 1446H |
| 4. | Selamat Sebelum Kiamat | 26 Julai 2024M/ 20 Muharram 1446H |
| Khutbah Kedua | | |

دبىاىاءى:



زكاة فؤلاو فئىغ

دترىبئىكن:



جابئىن حال إءوال اءام اسلام فؤلاو فئىغ

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBhg. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Khutbah Khas Awal Muharram: Hijrah Teras Lonjakkan Dakwah

5 Julai 2024M/ 28 Zulhijjah 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاعِمًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ
يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكْهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ
وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١٣﴾

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، شَهَادَةَ الْحَقِّ وَالْبَيِّنِ فِي
الْخَوْفِ وَالرَّجَاءِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ، وَمُصْطَفَاهُ وَخَلِيلُهُ
كَانَ نَبِيًّا رَسُولًا.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَنْوَارِ الْهُدَى
وَمَصَابِيحِ الدُّجَى، وَالتَّابِعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ مَا نَهَارَ تَجَلَّى، وَمَا لَيْلُ
سَجَى.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ، وَاسْتَعِدُّوا لِيَوْمٍ لَا يَنْفَعُ فِيهِ مَالٌ وَلَا
خِلالٌ، إِلَّا مَنْ أتَى اللَّهَ بِصَالِحِ الْأَعْمَالِ.

PARA TETAMU JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Mimbar ingin mengajak dan menyeru sekalian umat untuk sama-sama meninggikan nilai takwa di dalam diri dengan menjunjung segala titah perintah Allah serta menjauhi sepenuh hati apa yang ditegah. Mujahadah untuk menjadi hamba yang bertakwa itu perlu bersungguh dalam segenap disiplin kehidupan ke arah menggapai redha-Nya. Jalanilah hidup berperaturan dengan berlandaskan syariat agar dilimpahi



redha dan berkat.

Sebelum melanjutkan bicara, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian, agar terus istiqamah mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia.

Antara peristiwa besar yang sangat berbekas dalam hidup Baginda Rasulullah ﷺ ialah hijrah dari Mekah ke Madinah. Bertitik tolak dari situlah, Islam mula melakar episod gemilang hingga berjaya menguasai dua pertiga dunia. Justeru, tajuk khutbah yang ingin diangkat pada hari ini ialah: **Hijrah Teras Lonjakkan Dakwah.**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Secara umumnya, hijrah membawa maksud berpindah atau berubah dari satu tahap atau keadaan kepada suatu keadaan yang lebih baik selari dengan tuntutan syarak. Allah ﷻ menarik perhatian umat Islam tentang kepentingan hijrah apabila menyebut kalimah hijrah dalam Kitabullah sebanyak 28 kali. Antaranya disebut dalam surah an-Nisa' ayat 100 yang dibaca di awal tadi dengan maksudnya:

“Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang Makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan rasul-Nya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”



Berdasarkan ayat di atas, jelaslah bahawa intipati yang dapat kita pelajari ialah gabungan antara tiga elemen penting iaitu iman, hijrah dan jasad seringkali diberikan penekanan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Ia menjadi kata kunci dalam menzahirkan matlamat hijrah dalam realiti hidup. Iman akan memposisikan keyakinan seseorang hamba kepada Allah di tahap yang tertinggi. Kebergantungan sepenuhnya kepada Allah akan menjadikan seseorang hamba sanggup berjuang dan berkorban dengan seluruh jiwa raga, masa, harta dan tenaga demi agama biarpun nyawa yang menjadi galang gantinya.

Belajarlah dari kisah Nabi Ibrahim **عَلَيْهِ السَّلَامُ** yang sanggup berhijrah meninggalkan tanah air, anak juga isterinya kerana akur dan taat pada perintah Allah. Di dalam lubuk hatinya tertanam sifat yakin, membenarkan dan menyerahkan segala urusan hanya kepada Allah secara total. Sesungguhnya perancangan Allah itulah yang terbaik. Akhirnya berkat hijrah, siapa sangka sebuah daerah yang dulunya kering-kontang, kosong dan tandus telah berubah menjadi kota suci umat Islam yang bernama Mekah sebagaimana firman Allah di dalam surah Ibrahim, ayat ke 37:

**رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُوا الصَّلَاةَ
فَأَجْعَلْ أَرْضَكَ مَسْكِنًا لِلَّذِينَ آمَنُوا وَارْزُقْهُمْ مِنْ الثَّمَرَاتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ ﴿٣٧﴾**

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (tanah suci Mekah) yang tiada tanaman padanya, di sisi rumah-Mu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadah). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia



tertarik kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur.”

TETAMU-TETAMU ALLAH YANG DIRAHMATI,

Pengutusan Nabi Muhammad ﷺ ke bumi Mekah mempunyai agenda dan misi. Lahir dan hidup di tengah medan syirik dan jahiliah sangat menguji keimanan, kecekalan dan ketabahan dalam menjentik hati umat manusia untuk mengenal Allah. Nabi berjuang dengan seluruh kudrat untuk memadam api jahiliah dengan seribu harapan agar musyrikin Mekah dapat meninggalkan penyembahan berhala seperti Al-Laat (الَّلَّتَّ), Al-'Uzza(الْعَزَّى), Manat (مَنْوَة), Hubal (هُبَلٌ) dan lain-lain lagi. Namun, usaha untuk berhijrahkan umat tidak semudah yang disangka. Hal ini adalah kerana masyarakat Arab Mekah ketika itu sudah sebatikan dengan agama nenek moyang mereka.

Berjuang tidak pernah penat, disergah tidak pernah menyerah, setelah 13 tahun lamanya Nabi bersimbah keringat, turunlah perintah Allah untuk Nabi berhijrah. Keadaan sosial penduduk Mekah semakin meruncing. Akhlak mazmumah semakin membarah. Umat Islam Mekah ketika itu semakin dimusuhi dan disakiti bahkan ramai yang diancam bunuh. Perancangan Allah datang tepat pada masa dan ketikanya. Lalu berangkatlah Nabi ditemani sahabat setia yang tidak pernah meninggalkan Baginda, Saidina Abu Bakar menuju ke sebuah wilayah bernama Yathrib.

Di keheningan malam itu, air mata Nabi berjurai di pipi lantaran sedih dan sayu untuk meninggalkan tanah tumpah darahnya ketika tiba



di sempadan Juhfah. Namun siapa sangka berkat dari perjalanan hijrah, terbinalah sebuah kota bercahaya bernama Madinah Al Munawwarah. Di sinilah, Nabi melakukan “Reset” atau menyusun semula strategi dan misi dalam membina negara Islam Madani. Golongan wanita pula disusun atur untuk membantu daripada aspek kebajikan dan perubatan.

SIDANG MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Islam itu bermula dengan asing dan sedikit jumlahnya. Daripada Abu Hurairah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

بَدَأَ الْإِسْلَامُ غَرِيبًا وَسَيَعُودُ كَمَا بَدَأَ غَرِيبًا فَطُوبَى لِلْغُرَبَاءِ

Maksudnya: *“Islam datang dalam keadaan yang asing dan akan kembali pula dalam keadaan asing. Sungguh beruntunglah orang yang asing.”*

﴿Hadis Riwayat Muslim﴾

Imam Al-Qhadi ‘Iyad (امام القاضي عياض) menyebutkan makna hadis ini sebagaimana dinukilkan oleh Imam An-Nawawi:

“Islam dimulai dari segelintir orang dari sedikit manusia. Lalu Islam menyebar dan menampakkan kebesarannya. Kemudian keadaannya akan surut hingga Islam berada di tengah keterasingan kembali. Ia berada pada segelintir orang dari sedikitnya manusia sebagaimana awalnya.”

Hadis tersebut menggambarkan bahawa walaupun dakwah Nabi bermula perlahan, namun Islam berkembang pantas dan cemerlang dari semasa ke semasa. Bahkan ketika era pasca hijrah Madinah, Nabi telah



berjaya mengekalkan rekod tanpa kalah dalam setiap siri peperangan walaupun jasad berlumuran dan bersimbah darah.

Sesungguhnya keadaan atau kemajuan Islam tidak diukur daripada kuantiti dan jumlah penganutnya, namun ia diukur pada kualiti mereka. Dari Zaman Nubuwwah (نُبُوَّةً) bersambung ke era Khulafa' Ar-Rashidin (خُلَفَاءُ الرَّاشِدِينَ), Islam terus gah memimpin dunia hinggalah panji Islam terpasak kukuh pada Zaman Khilafah. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam surah Ali Imran ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ... ﴿١١٠﴾

Maksudnya: “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)...”

Seiring berlalunya fasa pemerintahan, tunjang utama kegemilangan Islam dalam menakluk dunia ialah terbentuknya sistem khilafah, yang menjadikan Rasulullah sebagai model. Ia bukan hanya dalam soal kepimpinan dan pentadbiran negara bahkan dalam kemahiran peperangan. Tokoh-tokoh barat sendiri mengakui kehebatan pemimpin Islam terdahulu sebagaimana yang pernah tertulis di dalam buku *Suma Oriental* karangan *Tome Pires*.

Benarlah bahawa pemimpin yang paling bertakwa ialah mereka yang paling ampuh imannya. Memperjudikan nyawa, kedudukan,



mahkota dan harta dunia demi menegakkan syiar agama merupakan ciri utama hijrah dalam memikul amanah Allah sepertimana firman-Nya pada ayat 14 surah Yunus:

ثُمَّ جَعَلْنَاكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ مِنْ بَعْدِهِمْ لِنَنْظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya: “Kemudian Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) khalifah-khalifah di bumi menggantikan mereka yang telah dibinasakan itu, supaya melihat apa pula corak dan bentuk kelakuan yang kamu akan lakukan.”

WAHAI TETAMU ALLAH YANG DIRAHMATI,

Bertitik tolak dari kekuatan hijrah, seluruh khalifah yang menjadi pewaris Rasulullah telah mengorbankan segala kelengkapan material, mental, fizikal, taktikal dan spiritual sehingga sinar Islam terpancar di seluruh dunia. Dari barat menjulang syariat, dari timur membawa makmur, dari selatan melakar kegemilangan. Semakin diserang dan ditentang, semakin melonjak ke hadapan.

Hijrah berjaya membawa Islam melebar dan tersebar hingga ke bumi Al-Aqsa. Tepatnya pada tahun 636 masihi bersamaan tahun 16 hijrah, Baitul Maqdis telah dibebaskan penuh bergaya di tangan Amirul Mukminin, Saidina Umar Ibnu Al-Khattab dari cengkaman tentera Salib. Inilah jawapan kukuh mengapa umat Islam harus bangkit membela setiap inci Al-Aqsa. Bak kata pepatah “alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan.”

Allah berfirman dalam surah Ali Imran, ayat 160 yang bermaksud:



Maksudnya: *“Jika Allah menolong kamu mencapai kemenangan maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mengalahkan kamu; dan jika la mengalahkan kamu, maka siapakah yang akan dapat menolong kamu sesudah Allah (menetapkan yang demikian)? Dan (ingatlah), kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman itu berserah diri.”*

MUSLIMIN DAN MUKMININ RAHIMAKUMULLAH,

Sejarah kegemilangan Islam bukan hanya untuk diperdengarkan namun perlu dijadikan sebagai pendorong untuk melakar kejayaan dan kecemerlangan. Antara kunci kejayaan hijrah Nabi juga ialah Baginda berjaya membentuk barisan hadapan para sahabat yang menjadi penyambung risalah dakwah dan penerus legasi hijrah hingga Islam kembali diulang.

Sebagai penutup tirai mimbar pada hari ini, ayuh kita mengambil beberapa iktibar untuk muhasabah kita bersama:

Pertama: Para Nabi, sahabat dan syuhada’ telah menzahirkan semangat hijrah mereka dengan menggadai seluruh jiwa dan raga demi mempertahankan agama.

Kedua: Dalam perjuangan menegakkan kebenaran, tiada istilah kalah namun hanyalah menang atau syahid. Para syuhada’ tidak akan mati bahkan akan terus hidup hingga ke syurga.

Ketiga: Gerak kerja dakwah sangat perlu kepada perancangan yang teliti dan strategi yang teratur termasuklah aspek spiritual mahupun teknikal.

Keempat: Hijrah menuntut kepada iman yang mantap dan mujahadah yang bersungguh. Islam pasti akan menang, namun persoalannya



tangan siapakah yang akan menjulang?

Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَولَئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ وَاللَّهُ
غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٢١٨﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapakan rahmat Allah, Dan (ingatlah), Allah Maha pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

﴿Surah al-Baqarah: 218﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua Bulan Julai

2024M/ 1445H/ 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَّاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Hari ini, dalam realiti dunia tanpa sempadan, umat Islam berdepan dengan fenomena ribut sosial. Adu domba dan fitnah bukanlah perkara baru. Ia telah bermula sejak awal kejadian manusia malah fitnah dianggap ujian terbesar umat Islam akhir zaman.

Ribut sosial hari ini zahir dalam bentuk maklumat palsu, sikap melulu dan kedangkalan ilmu. Ia diburukkan pula oleh pentas internet yang terbuka, mengakibatkan tumpulnya hujah dan keilmuan. Sesuatu



hujah, tanpa usul periksa mudah saja ditelan hingga mencetuskan perpecahan, perbalahan, sikap *ghuluw* atau melampau, adu domba dan prasangka yang dalam dan tajam.

Dalam berdepan ribut sosial ini, Islam menggariskan beberapa panduan, antaranya ialah:

Pertama: Disiplin tabayun atau menyemak sumber maklumat hendaklah menjadi satu keutamaan kepada umat.

Kedua: Berpayunglah kepada sumber dan ajaran Islam yang sebenar, yakni yang disampaikan oleh ulama yang muktabar.

Ketiga: Kematangan intelek hendaklah digandingkan dengan kematangan emosi agar umat tidak terbawa-bawa dengan hasutan dan agenda jahat yang sengaja memecah-belahkan.

Hakikatnya, fenomena ribut sosial ini boleh menggoncang namun ia juga akan berlalu. Maka lihatlah perkara ini sebagai satu medan ujian untuk mengukur tahap ketakwaan. Ingatlah, perpaduan akan menyelamatkan pihak yang bersengketa daripada jurang api neraka sebagaimana firman Allah dalam Surah Ali Imran ayat 103 yang bermaksud:

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (pada zaman jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.” (Ali Imran: 103)

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul
Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْعَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالرِّبَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta dapat mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat



menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

